

25 NOV 2002

Australia-Mahathir/I

DR MAHATHIR DIKRITIK KERANA KOMENNYA MENGENAI AUSTRALIA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad harus menghentikan polemik tentang perlunya Australia memutuskan sama ada ia sebuah negara Asia atau negara Barat, kata Parti Buruh, parti pembangkang di negara ini.

Jurucakap hal ehwal luar parti itu Kevin Rudd memberitahu Channel's News pagi ini bahawa Dr Mahathir tersilap dan Australia tidak akan "menerima bulat-bulat."

Dr Mahathir dipetik oleh sebuah akhbar di negara ini sebagai berkata Australia sudah melampau kerana menyamakan dirinya dengan Amerika Syarikat daripada segi tujuan dan taktik dalam perang menentang keganasan.

"Australia perlu memutuskan sama ada ia sebuah negara Asia ataupun sebuah negara Barat," kata Dr Mahathir kepada akhbar 'The Australian,' dan menambah kata Australia akan sentiasa dianggap sebagai orang luar di rantainya sendiri.

Rudd, seorang bekas diplomat berkata ancaman keganasan dan letupan bom di Bali baru-baru ini telah mengubah cara kerajaan menasihatkan rakyatnya. "Saya berkata dengan terus-terang sudah tiba masa bagi Perdana Menteri Malaysia menghentikannya," kata beliau.

"Hakikatnya ialah lebih daripada 100 warga Australia terbunuh di Bali dalam serangan penganas itu.

"Sekarang itu telah menjejaskan kita secara radikal mengenai cara kita menasihatkan mengenai keselamatan warga Australia semasa mengembara ke rantau itu."

Rudd bagaimanapun mengakui hubungan lebih baik mungkin dapat meningkatkan tahap keselamatan rantau.

Tetapi beliau berhujah: "Itu tidak bermakna kita boleh menerimanya bulat-bulat apabila Perdana Menteri Malaysia mengatakan sesuatu yang saya rasa tidak betul dan kenyataan beliau seperti yang dilaporkan pada hujung minggu ini adalah tidak betul."

Sementara itu Menteri Pelancongan Persekutuan Joe Hockey berkata sebagai salah seorang daripada anggota kerajaan, beliau perlu bertindak lebih diplomatik.

Tetapi beliau menambah kata: "Saya faham dari mana datangnya Kevin."

-- BERNAMA

NDC AHH PR NMO